

NO. SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6558

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan ruang di pejabat Jabatan Imigresen Negeri Sembilan di Wisma Persekutuan, Seremban untuk keselesaan dan kemudahan pemohon-pemohon pasport dan urusan-urusan lain serta ruang pejabat yang lebih besar untuk kakitangan jabatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum isu kesesakan ruang di pejabat Jabatan Imigresen Negeri Sembilan terutamanya semasa musim cuti sekolah dan cuti umum di negeri yang berhampiran. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Pekerja Asing yang berada bersekali dengan Bahagian Pasport dan Bahagian Visa, Pas & Permit telah dipindahkan ke tingkat 4 dari tingkat 2 pada bulan Februari yang lalu. Ruangan yang ditinggalkan oleh Bahagian Pekerja Asing tersebut diharap dapat memberi keselesaan jangka pendek kepada pelanggan yang berurusan dengan Bahagian Pasport dan Bahagian Visa, Pas & Permit yang banyak berurusan dengan orang ramai.

Di samping itu, KDN telah mempunyai perancangan untuk memohon dan membangunkan Projek Kompleks KDN untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) tahun 2016, tertakluk kepada pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Pembinaan Kompleks KDN Negeri Sembilan ini akan menjamin operasi yang lebih selesa dan efisien bagi beberapa agensi di bawah KDN termasuk Jabatan Imigresen Negeri Sembilan.

Diharap langkah penyelesaian di atas, akan mewujudkan persekitaran pejabat yang menarik dan selesa seterusnya dapat memberikan motivasi kepada pegawai dan kakitangan untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih baik dan meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan kepada pelanggan.